

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB PUAN TERESA KOK SUH
(SEPUTEH)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan sama ada Kementerian mempunyai rancangan untuk mengubah isi kandungan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN). Apakah agenda dalam penukaran tersebut dan apakah Kerajaan akan mengadakan rundingan dengan orang awam tentang kebaikan dan keburukan PLKN sebelum ia dilaksanakan.

JAWAPAN:

Berikutan dari pengumuman YAB Perdana Menteri dalam ucapan Budget 2015 yang akan melancarkan Pelan Transformasi Belia Negara. Kementerian telah melaksanakan usaha penambahbaikan pelaksanaan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) selaras dengan hasrat Perdana Menteri untuk mengkaji semula PLKN dengan satu konsep baru yang menjalinkan keperluan kemahiran dan kenegaraan.

Sehubungan itu, Kementerian Pertahanan dengan kerjasama PEMANDU telah melaksanakan Makmal Transformasi PLKN bermula dari 23 Februari hingga 27 Mac 2015 bagi menilai semula pelaksanaan PLKN serta mendapatkan pandangan dari pelbagai pihak bagi penambahbaikan pelaksanaan PLKN pada masa akan datang. Antara pihak yang dijemput menyertai makmal adalah dari pelbagai agensi kerajaan, ibu bapa, bekas pelatih, jurulatih, NGO, pengusaha kem dan lain-lain.

Kementerian juga telah membentangkan hasil makmal tersebut kepada orang awam melalui pelaksanaan Hari Terbuka Transformasi PLKN yang telah diadakan pada 18 dan 19 April 2015 bertempat di IOI City Mall, Putrajaya.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG
KETIGA BELAS, PENGGAL KETIGA, MESYUARAT KEDUA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM
[SEPUTEH]**

SOALAN : 297

Puan Teresa Kok Suh Sim minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
apakah objektif Biro Tatanegara dan bajetnya pada tahun 2015. Macam
manakah memastikan kursus Biro Tatanegara menyumbang kepada
perpaduan kaum dan konsep "1Malaysia".

**JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM, TIMBALAN MENTERI
DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Objektif Biro Tatanegara adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan pemahaman terhadap : Patriotisme dan kenegaraan, dasar kerajaan, isu-isu semasa dan penghayatan nilai-nilai murni. Sehingga kini BTN masih menjalankan tugasnya sebagai agensi yang berfungsi melaksanakan latihan bagi meningkatkan pengetahuan dan pemahaman kenegaraan sekaligus menyemai semangat patriotisme.

Peruntukan belanja mengurus yang diterima oleh Biro Tatanegara pada tahun 2015 adalah sebanyak RM66 juta. Sejumlah RM20 juta diperuntukkan untuk pelaksanaan latihan dan bakinya pula adalah untuk perbelanjaan mengurus.

Kursus-kursus Biro Tatanegara adalah terbuka kepada semua lapisan masyarakat termasuk belia, pelajar, kakitangan kerajaan, pemimpin masyarakat, NGO dan sektor awam yang pelbagai kaum dan meningkatkan semangat patriotisme dan kesetiaan kepada Negara Malaysia.

Penerangan tentang Gagasan 1Malaysia telah dimasukkan dalam modul kursus BTN sebagai tambahan dalam usaha meningkatkan lagi semangat patriotisme dan perpaduan kepada semua rakyat Malaysia yang tidak mengira bangsa atau latar belakang sosial ekonomi politik. Program BTN sentiasa menerapkan nilai-nilai murni yang terkandung dalam Gagasan 1Malaysia seperti hormat-menghormati, rendah hati,

kesederhanaan, berbudi bahasa, integriti serta mengamalkan budaya ilmu, budaya ketepatan, budaya berprestasi tinggi, budaya inovasi, integriti, kesetiaan, kebijaksanaan dan ketabahan.

Dengan itu, dapat dirumuskan bahawa BTN telah lama menyahut cadangan penerapan nilai-nilai Gagasan 1Malaysia melalui pelbagai program-program anjuran BTN seperti kursus, seminar, ceramah, bahan edaran, aktiviti modul dan lain-lain. Penerapan Gagasan 1Malaysia ini bukan sahaja dalam kalangan penjawat awam, malah ianya meliputi pelbagai lapisan masyarakat.

Namun, BTN juga ingin memberi penekanan supaya usaha-usaha memupuk penerapan nilai-nilai Gagasan 1Malaysia turut dilaksanakan dengan jayanya oleh Kementerian dan Jabatan serta agensi-agensi yang lain.

Sekian, terima kasih.